

# Proton perketat kawalan audit, keluaran kereta

Kempen kecacatan sifar bagi capai matlamat perkukuh pasaran eksport

BH 28/6/08 m/s 28

**P**ROTON Holdings Bhd melancarkan kempen 'kecacatan sifar' bagi pengeluaran keretanya sejajar matlamatnya untuk mengukuhkan pasaran eksport serta sebagai persediaan sebelum melancarkan kenderaan pelbagai guna (MPV) pertamanya awal tahun depan.

Pengarah Urusannya, Datuk Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, berkata menerusi kempen itu, Proton akan mengetatkan lagi kawalan pengeluaran dan audit bagi memastikan tiada sebarang kesilapan berlaku ketika pengeluaran.

Beliau berkata, ketika ini, 60 peratus kecacatan pada kereta keluarannya adalah disebabkan kualiti tidak memuaskan daripada vendor manakala bakinya disebabkan kesilapan pekerjaannya sendiri.

"Kualiti adalah penting bagi syarikat kerana ia adalah sebahagian strategi globalisasi Proton," katanya kepada media selepas melancarkan kempen kualiti Proton di kilang pengeluarannya di Shah Alam, semalam.

Syed Zainal Abidin berkata, kempen yang mula diperkenalkan dua tahun lalu itu akan diperketatkan lagi dari aspek pelaksanaannya dan ia membabitkan semua pihak termasuk vendor.

"Semua yang terbabit perlu memahami makna sebenar kualiti, termasuk etika kerja. Ia memerlukan masa, tetapi kami yakin ia akan mencatatkan kejayaan," katanya.

Beliau menambah, kempen 'kecacatan sifar' itu adalah penting dalam



**NILAI KUALITI:** Syed Zainal memeriksa kereta Proton Saga yang separuh siap untuk menentukan kualiti pemasangan mengikut piawaian ketika pelancaran kempen kualiti Proton 2008/2009, di Shah Alam, semalam.

usaha Proton mengurangkan pergantungan terhadap pasaran domestik.

"Kami mahu jenama Proton mampu bersaing dengan kereta keluaran syarikat automotif utama lain, terutama di pasaran luar negara," katanya.

Proton merancang meningkatkan eksportnya ke China, India, Asia Tenggara dan Asia Barat dengan mengandakan jualanannya kepada 300,000 unit menjelang 2010.

Syarikat itu juga sedang berunding dengan beberapa rakan niaga di Chi-

na dan Iran bagi mengeksport enjin dan komponen.

"Rundingan itu dijangka dapat dimuktamadkan dalam tempoh dua bulan lagi," kata Syed Zainal.

Beliau menegaskan, MPV yang bakal dilancarkan Proton dalam tempoh sembilan bulan lagi akan menjadi tanda aras kepada kejayaan kempen 'kecacatan sifar' yang sedang dilaksanakannya itu.

"Kami menasarkankan pengeluaran tanpa kecacatan bagi MPV itu dengan belajar daripada pengalaman

pengeluaran model yang menjadi kebanggaan syarikat iaitu Persona dan Saga," katanya.

Mengenai harga model MPV itu, Syed Zainal Abidin berkata, ia belum ditetapkan tetapi yang pasti harganya adalah kompetitif dalam segmennya, sama seperti model Persona dan Saga.

"Sambutan baik diterima dua model terbaru Proton itu (Persona dan Saga) adalah disebabkan kualiti dan harga yang berpatutan dalam segmen masing-masing," katanya.